

Keputusan UNGA perlu disokong — Stoyan

PETALING JAYA 20 April — Keputusan-keputusan Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) perlu disokong dengan satu mekanisme penguatkuasaan agar ia menjadi forum berkesan, kata Presiden Sesi ke-47 UNGA Stoyan Ganev di sini hari ini.

Beliau berkata satu mekanisme penguatkuasaan sangat diperlukan untuk menjadikan UNGA lebih berkesan dan bukan setakat menjadi sebuah forum bagi membuat kenyataan sahaja.

"Saya telah mula mengadakan perbincangan dengan kumpulan-kumpulan serantau dan negara-negara individu dan kami bersama-sama bekerja untuk membuat perbaikan terhadap tugas Perhimpunan Agung dan jentera cawangannya," katanya ketika berucap di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di sini.

Pada ceramahnya "PBB dan Orde Baru Dunia," beliau berkata UNGA mempunyai peranan praktikal dalam memenuhi hubungan antarabangsa.

Walaupun UNGA tidak sunyi daripada masalahnya, katanya, ia merupakan sebuah parlimen dunia yang unik. — "Saya percaya kita kena menyesuaikannya dengan keadaan baru dan mencari jalan untuk memaksimumkan potensinya," kata diplomat berusia 38 tahun dari Bulgaria itu.

Beliau berkata keperluan Orde Baru Dunia dan perkembangan masa depannya memerlukan tindakan konkrit lebih daripada sekadar niat baik sahaja.

Oleh itu, beliau berkata cabaran-cabaran baru yang dihadapi selepas Perang Dingin memerlukan generasi baru pemimpin politik.

Pemimpin-pemimpin ini, katanya, perlu mempunyai kefahaman mendalam mengenai saling pergantungan dunia, menghargai kebudayaan asing, dan pengetahuan mendalam mengenai sejarah, dan pada masa yang sama berani untuk melihat ke hadapan.

Beliau berkata pentingnya komitmen tidak berbelah-bahagi negara-negara anggota terhadap perjanjian antarabangsa sebagai cara untuk menjamin kestabilan serantau telah menjadi lebih ketara sekarang. — Bernama.